

20 JUL 1999

GETAH-KERJASAMA

MALAYSIA, THAILAND AKAN METERAI MOU MENGENAI GETAH ASLI AKHIR OGOS

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Malaysia akan menanda tangani satu memorandum persefahaman (MOU) dengna Thailand mengenai kerja sama dalam memasarkan getah asli pada akhir Ogos, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

"Ia akan dimeterai sebaik sahaja saya pulang dari China dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," beliau memberitahu pemberita selepas menutup Persidangan Sektor Pekebun Kecil sehari di sini hari ini.

MOU itu adalah kerjasama jangka panjang di dalam pemasaran untuk mendapatkan harga lebih baik dan termasuk meningkatkan stok dan menguruskannya daripada segi jenis getah untuk dibeli, berapa banyak untuk dibeli, apa untuk dijual dan berapa banyak untuk dijual, kata Dr Lim.

"Kita mesti menyelaraskan apa untuk dibeli dan berapa banyak untuk dibeli dalam membangun stok dan kemudian apa untuk dijual dan berapa banyak untuk dijual," katanya, sambil menambah bahawa "stok getah tidak boleh dikekalkan tidak menentu kerana kita adalah negara miskin."

"Malaysia sendiri tidak boleh mempengaruhi harga pada peringkat antarabangsa kerana kita hanya pengeluar getah asli ketiga terbesar selepas Thailand dan Indonesia," katanya, menjelaskan mengenai keperluan bagi kerjasama itu.

Bagaimanapun, Dr Lim tidak menjangka kerjasama dari Indonesia berhubung dengan strategi pemasaran kerana ia masih mendapat lebih banyak nilai daripada segi rupiah sungguhpun harga telah menurun daripada segi dolar AS.

"Saya tidak nampak Indonesia menyertai usaha kerjasama ini. Kami telah membuat pertanyaan kepada mereka (Indonesia) mengenai bekerja sama tetapi sambutan tidaklah positif," katanya.

Dr Lim juga menolak kemungkinan bekerjasama dengan Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) dalam mendapatkan harga yang lebih baik.

Katanya Malaysia akan keluar daripada INRO Oktober depan dan dengan itu, tidak akan bekerja sama dalam membina stok yang diuruskan oleh INRO kerana tiada sebab untuk membantu sebuah pertubuhan yang hampir dibubarkan.

Mengenai penalti meninggalkan INRO, katanya "kita terpaksa membayar apabila ia dibubarkan."

Mengenai skim pembelian khas kerajaan bagi getah, Dr Lim berkata skim itu bukan satu subsidi dan diperkenalkan kira-kira dua bulan lalu berikutan laporan yang tiada pembeli untuk getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil, malahan apabila ia membawa harga rendah selepas potongan.

"Itulah kenapa kita mulakan skim pembelian khas kerajaan sungguhpun banyak yang berkata ia adalah satu subsidi dengan tujuan pilihanraya. Ia bukan begitu (bagi tujuan pilihan raya)," tegasnya.

"Ia memberikan pasaran terjamin bagi pekebun-pekebun kecil pada harga antarabangsa. Kerana permintaan yang lemah, terdapat banyak jualan pada potongan kepada pasaran antarabangsa. Mereka seharusnya memperoleh 70 sen tetapi mereka hanya mendapat 52 sen," katanya.

Dr Lim percaya harga getah yang rendah sekarang adalah akibat manipulasi oleh pengeluar-pengeluar tayar.

"Kira-kira 75 peratus daripada penggunaan getah asli adalah bagi pengeluaran tayar dan ini dikuasai oleh lima syarikat antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

MSL LPS OS

